

04 AUG 2003

Dewan-Perak (Air)

PERAK SETUJU BENARKAN KERAJAAN PUSAT AMBIL ALIH PENGURUSAN AIR

IPOH, 4 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Negeri Perak pada prinsipnya bersetuju dengan cadangan membenarkan kerajaan Pusat mengambil alih pengurusan air negeri-negeri tetapi mahu diberi jaminan tarif air sedia ada tidak dinaikkan.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, walaupun Perak tidak menghadapi masalah daripada segi bekalan air dan mampu mendapatkan keuntungan, ia masih memerlukan bantuan modal pusat untuk membina loji air dan menukar paip-paip lama.

Katanya, Perak memerlukan RM932 juta untuk melaksanakan beberapa projek bekalan air dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan dan ini hanya boleh dilakukan dengan pinjaman kerajaan Pusat.

"Tetapi kita mahu tarif air tidak dinaikkan jika kerajaan Pusat mahu menyelaraskannya nanti. Kita telah berjanji kepada rakyat untuk tidak menaikannya untuk beberapa tahun ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri persidangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan Pusat tidak akan memberi pinjaman kepada negeri yang tidak mahu membenarkan pengurusan air diambil alih.

Dr Mahathir berkata demikian berikutan laporan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu enggan membenarkan pengurusan air diambil alih sebagaimana diputuskan semasa mesyuarat Majlis Air Negara Selasa lepas.

Perdana Menteri menyatakan semasa mesyuarat itu bahawa sebahagian besar kos akan ditanggung oleh kerajaan Pusat dan ia tidak akan dipindahkan kepada pengguna.

Tajol Rosli berkata bekalan air untuk Lembah Kinta mencukupi sehingga tahun 2015 berikutan pembinaan loji di Sungai Kinta melalui pinjaman RM170 juta dari kerajaan Pusat.

"Tetapi kita juga perlu menerima hakikat tarif air tidak akan kekal selama-lamanya kerana kos pengeluaran juga meningkat. Buat masa ini tarif air Perak adalah lebih rendah berbanding Selangor, Johor dan Sabah tetapi lebih tinggi daripada Pulau Pinang," tambahnya.

Tajol Rosli berkata Perak juga bersedia menjual air kepada Kedah dan Pulau Pinang tetapi ianya akan diputuskan sebaik sahaja butiran pengambilalihan pengurusan air itu diumumkan kerajaan Pusat.

Sementara itu pada persidangan Dewan Undangan Negeri, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri Datuk Ong Ka Chuan berkata, bekalan air di Perak adalah mencukupi dengan permintaan sebanyak 865 juta liter sehari berbanding keupayaan pengeluaran loji sebanyak 1,128 juta liter.

Menjawab soalan Datuk K. Munisamy (BN-Pasir Panjang), Ong berkata unjuran permintaan air adalah sebanyak 1,468 juta pada tahun 2010 dan Lembaga Air Perak (LAP) akan menaik taraf loji dan memasang paip bekalan untuk meningkatkan pengeluaran kepada 1,732 juta liter sehari sehingga tahun 2010.

Katanya Perak mempunyai rangkaian paip air sepanjang 8,000km dan kesemuanya dijangka dapat diganti dengan paip baru menjelang RMK-9 dan ini akan mengurangkan air tanpa hasil yang kini berada pada tahap 33 peratus.

Beliau berkata LAP mendapat keuntungan RM18 juta pada tahun 2001 dan ini meningkat kepada RM40 juta tahun lepas.

Antara projek yang akan dilaksanakan ialah projek bekalan air skim empangan Sungai Kinta, loji Tanjong Malim, loji Hilir Perak, kolam takungan

Manjung, Hulu Perak dan Kerian.
-- BERNAMA
AR RHM